

11/04/1997

Pengusaha IKS perlu guna teknologi menyeluruh

PETALING JAYA, Khamis - Pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) harus mengaplikasikan penggunaan teknologi secara menyeluruh bagi menjamin produk yang dihasilkan mempunyai kualiti tinggi dalam semua aspek.

Pendekatan ini penting bagi menghadapi suasana persaingan sengit antara barangan buatan tempatan dan import di pasaran antarabangsa, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Kerk Choo Ting.

Katanya, penggunaan teknologi dalam sektor industri bertumpu berkaitan peralatan mesin ketika proses menghasilkan barangan tetapi juga harus membabitkan pengurusan, penyelidikan, logistik, pemasaran dan penjualan.

Beliau berkata, pendekatan teknologi dalam sektor perindustrian harus dilaksanakan secara menyeluruh iaitu daripada proses perancangan menghasilkan produk sehingga peringkat ia sampai kepada pengguna.

"Bidang teknologi bukan setakat penggunaan mesin kerana jika salah satu komponen tidak diberi perhatian, ia boleh menjejaskan nilai sesuatu produk dan memberi kesan buruk dalam pasaran.

"Teknologi harus meliputi semua perkara dalam perniagaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Taklimat Program Rantai Industri (ILP) anjuran Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC), di sini hari ini.

Kerk berkata, rancangan pembangunan bandar perindustrian MEC City secara berkelompok seluas 1,200 hektar di Gambang, Kuantan adalah pendekatan baru memajukan sektor industri elektronik di negara ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau berkata, projek MEC City itu bakal memberi sumbangan besar kepada kejayaan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2).

Projek itu yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, akan turut membabitkan penyertaan pengusaha IKS tempatan menerusi ILP.

Pembangunan MEC City yang dijadualkan siap pada 2012 bakal menjadikan Malaysia pembekal terkemuka barangan elektrik.

Kerk berkata, pada masa ini pasaran tempatan masih dikuasai barangan berjenama import termasuk penggunaan komponen dan bahan mentah.

"Pada masa ini Malaysia adalah negara pengeluar terbesar alat pendingin hawa serta salah satu penyumbang utama barangan separuh elektrik, set televisyen, perakam video dan kaset," katanya.

(END)